



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/03/22 (HQ)

TNB PERUNTUKKAN RM26.2 JUTA PERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR ELEKTRIK DI TERENGGANU

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun ini memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM26.2 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Terengganu.

Menurut Pengurus Besar Negeri (Terengganu), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Saharenam Mukhtar, sebahagian daripada peruntukan adalah bertujuan untuk memperkukuhkan lagi sistem bekalan elektrik di Daerah Hulu Terengganu.

Tambah beliau lagi, TNB Negeri Terengganu juga sentiasa berusaha memastikan gangguan bekalan elektrik dikurangkan seminima mungkin agar kepuasan pengguna dapat dioptimumkan dan tiada pihak yang mengalami kerugian.

Menurut beliau lagi, tempoh gangguan bekalan elektrik di Negeri Terengganu pada tahun 2015 merekodkan catatan yang rendah iaitu hanya 33.26 minit bagi setiap pengguna.

Ir. Saharenam turut menyeru kepada para pengguna supaya menggunakan elektrik secara berhemah, selamat, dan bijak iaitu dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan bagi mengelakkan kemalangan yang boleh meragut nyawa.

Di majlis tersebut, TNB turut menyumbangkan sebanyak 126 unit kipas bernilai RM20,000.00 untuk diletakkan di surau-surau bagi kegunaan komuniti di seluruh Daerah Hulu Terengganu.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi & Tugas-tugas Khas Negeri Terengganu Y.B. Ghazali Taib merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Ajil), Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga Kawasan Negeri Kelantan & Terengganu, Puan Hajah Nora binti Abd.Ghani.

Dikeluarkan di Hulu Terengganu, Terengganu pada 24 Mac 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

media@tnb.com.my